

Sokongan Keluarga Malaysia penting kepada pesakit kanser - PM

Februari 4, 2022



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - NSTP/Eizairi Shamsudin

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sokongan Keluarga Malaysia kepada pesakit kanser amat penting untuk mereka terus berjuang melawan penyakit itu.

Dalam hantaran di laman Facebooknya, Ismail Sabri berkata, beliau percaya ramai antara kalangan Keluarga Malaysia yang mempunyai saudara-mara atau rakan yang bertarung dengan kanser.

Beliau berkata, ini termasuk beliau sendiri yang mempunyai pegawai yang menghidap kanser payudara, namun terus 'survive' selepas lapan tahun bertarung.

"Rapatkan jurang penjagaan kanser. Pengesanan awal dapat meningkatkan peluang untuk sembuh," katanya sempena Hari Kanser Sedunia, hari ini.

Hari Kanser Sedunia disambut di seluruh dunia pada 4 Februari dengan tema tahun ini iaitu 'Close the Care Gap' atau Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser. – BERNAMA